

26 April 2015

SIARAN MEDIA

Sambutan Hari Air Sedunia 2015 di Empangan Air Itam Dam, Pulau Pinang.

TARIF AIR PULAU PINANG YANG PALING “MESRA RAKYAT” DI MALAYSIA

PULAU PINANG, Ahad, 26/4/2015: Tarif domestik Pulau Pinang adalah yang paling “mesra rakyat” di Malaysia bagi kediaman yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter sebulan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Lim Guan Eng menggesa rakyat Pulau Pinang agar tidak “diperbodohkan atau diperdayakan” oleh sesetengah pihak yang mendakwa tarif air dinaikkan banyak kali, tarif di Pulau Pinang membebankan orang ramai, dan kajian semula tarif adalah “tidak kena masa” atau “menimbulkan kesangsian.”

Beliau menyatakan fakta dan statistik berikut:

- Isi rumah Pulau Pinang yang menggunakan kurang daripada 35,000 liter air sebulan membayar purata RM0.32 setiap 1,000 liter.
- Daripada 10 kediaman di Pulau Pinang, 7 atau lebih menggunakan kurang 35,000 liter air sebulan.
- Purata tarif Pulau Pinang iaitu RM0.32 setiap 1,000 liter adalah kurang 50% daripada purata kebangsaan iaitu RM0.66 setiap 1,000 liter. Kedah mengenakan caj RM0.67, Perak pula RM0.73 dan caj di Johor adalah RM1.05.

Oleh yang demikian, YAB Lim berkata 75.3% daripada keseluruhan rumah kediaman di Pulau Pinang menikmati tarif domestik yang paling “mesra rakyat” di Malaysia.

“Izinkan saya jelaskan di sini bahawa: tiada lain tempat lagi di Malaysia yang mengenakan caj RM0.32 setiap 1,000 liter untuk 35,000 liter yang pertama sebulan. Ini adalah kenyataan mudah yang tidak dapat disangkal oleh sesiapapun,” kata beliau.



“Kerajaan Negeri anda yang mesra rakyat ingin menekankan di sini bahawa ada manfaat atau ganjarannya jika menggunakan air dengan bijak di Pulau Pinang,” kata beliau pada sambutan Hari Air Sedunia 2015 di Empangan Air Itam di sini hari ini.

Bagaimanapun, Ketua Menteri menambah Pulau Pinang masih memerlukan kerjasama semua pihak untuk mengelak catuan air.

“Kita perlu anda untuk menjimatkan air kerana perubahan iklim. Berbanding 10 tahun lalu, keadaan kini lebih panas, lebih berjerubu dan lebih kering pada ketika tertentu setiap tahun. Kita tidak dapat melawan perubahan iklim, jadi kita perlu menyesuaikan... dengan menggunakan air dengan berhemah agar ia mencukupi untuk semua,” ujar beliau.

YAB Lim berkata Kerajaan Persekutuan dan Perak melengahkan Skim Pemindahan Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), sebuah projek air antara-negeri yang dicadangkan oleh Pulau Pinang sejak tahun 1999.

“Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) tidak mahu membantu dalam perbincangan di antara Perak dan Pulau Pinang,” menurut beliau. “Dalam pada itu, Perak telah menyatakan yang ia hanya bersedia untuk jual air terawat kepada Pulau Pinang tetapi yang kita perlukan ialah air mentah. Jelas, idea ini tidak praktikal kerana harganya akan menjadi terlalu tinggi,” tambah beliau.

“Kerajaan Persekutuan perlu bertanggungjawab untuk melaksanakan SPRWTS, berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 2011 ketika migrasi Pulau Pinang kepada Inisiatif Penstruktur Semula Bekalan Air Kebangsaan. Kita akan terus berusaha tetapi kita tidak tahu bila projek ini akan dilaksanakan. Sehingga Kerajaan Persekutuan menepati janjinya kepada Pulau Pinang, kita meminta rakyat Pulau Pinang untuk jimat air, untuk lebih selamat,” beliau menambah lagi.

SASARAN JIMAT AIR 260 L/K/H

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Ir. Jaseni Maidinsa berkata, sasaran Kajian Semula Tarif Air Pulau Pinang 2015 adalah untuk mengurangkan penggunaan per kapita domestik kepada 260 liter/kapita/hari (l/k/h).

Pada tahun 2014, penggunaan domestik di Pulau Pinang adalah 59% daripada purata penggunaan harian iaitu 813 MLD. Purata penggunaan domestik di Pulau Pinang adalah 293 l/k/h.

Beliau berkata pengurangan 33 l/k/h (daripada 293 l/k/h kepada 260 l/k/h) akan membawa kepada pengurangan sebanyak 11.3% di dalam penggunaan domestik, atau 54 MLD. "Jika kita kurangkan 54 MLD daripada 813 MLD yang digunakan pada tahun 2014, hasilnya ialah 759 MLD. 759 MLD berada di antara penggunaan pada tahun 2009 iaitu 739 MLD dan 782 MLD pada tahun 2010. Jadi, secara teorinya kita 'putarkan balik masa' dan kurangkan penggunaan domestik pada tahap kira-kira 5 tahun lalu," beliau menambah.

Dalam lain perkataan, Ir. Jaseni berkata, pengurangan penggunaan per kapita kepada 260 l/k/h akan membantu memastikan Pulau Pinang mempunyai air yang mencukupi selepas tahun 2020, membolehkan pelaksanaan SPRWTS dilewatkan untuk 2-3 tahun.

Beliau menyatakan 5 impak positif jika Pulau Pinang boleh mencapai sasaran 260 l/k/h:

- Pulau Pinang boleh mengelak catuan air walaupun pada ketika cuaca kemarau teruk yang disebabkan oleh perubahan iklim;
- Bekalan air yang mencukupi untuk memenuhi penambahan populasi pada masa hadapan;
- Air yang mencukupi untuk peningkatan sosio-ekonomi pada masa hadapan;
- Memanjangkan jangka hayat infrastruktur bekalan air sedia ada. Ini akan melengahkan keperluan untuk projek infrastruktur tambahan yang bernilai berjuta-juta ringgit yang seterusnya menyebabkan tarif air yang lebih tinggi; dan
- "Melengahkan" masa untuk Pulau Pinang melaksanakan sumber air mentah kedua atau alternatif, sama ada SPRWTS, penuaian air hujan, kitar semula air atau desalinasi (penyahgaraman).

"Izinkan saya terangkan di sini bahawa 260 l/k/h bukanlah sukar ataupun mustahil. Purata kebangsaan pada tahun 2013 adalah 210 l/k/h. Singapura telah mencapai 150 l/k/h pada tahun 2014. Saya juga ingin menarik perhatian bahawa 14 tahun lalu iaitu pada tahun 2001 penggunaan per kapita domestik," Ir. Jaseni berkata.



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

“Oleh itu, sila guna air dengan bijak. Lawati www.pba.com.my untuk tip jimat air,” tambah beliau. (ends)

Issued by Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd

Contact: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit

Tel : 04-201 3231

Email : syarifah@pba.com.my